



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI PULAU PINANG**

DOKUMEN SEBUTHARGA

UNTUK

NO. SEBUTHARGA : **JPS/ N / SH / DTL / M / 13 / 2014**

**KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI PERANGKAP-PERANGKAP SAMPAH DI SUNGAI
PINANG DAN SUNGAI JELUTONG DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.**



Jurutera Daerah
Daerah Timur Laut
Jabatan Pengairan dan Saliran
Tingkat 29, KOMTAR
Pulau Pinang



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
DAERAH TIMUR LAUT.
PULAU PINANG**

Kerja :KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI PERANGKAP-PERANGKAP SAMPAH DI
SUNGAI PINANG DAN SUNGAI JELUTONG DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.

No. Sebutharga : JPS / N / SH / DTL / M / 13 / 2014

ISI KANDUNGAN

Bil.	Keterangan	Muka Surat
1	Kenyataan Sebutharga	
2	Dokumen A - Arahan Kepada Pentender	A/1
3	Dokumen B - Syarat-Syarat Sebutharga	B/1
4	Dokumen C - Borang Sebutharga	C/1
5	Dokumen D -Jadual Kadar Harga	D/1-D2
7	Dokumen E-Surat Akuan Pembida	E/1
8	Dokumen F- Pelan Tapakbina dan Teknikal	F/1-F/2
9	Dokumen G - Dokumen Spesifikasi	G/1
10	Lain-lain Dokumen Sokongan a) Rekod Pengalaman Kontraktor b) Senarai Kerja Dalam Tangan	Dokumen H (1) Dokumen H (2)

KENYATAAN SEBUTHARGA



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN PULAU PINANG

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi perkhidmatan berikut :

NO SEBUTHARGA	TAJUK KERJA
JPS/N/SH/DTL/M/13/2014	KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI PERANGKAP-PERANGKAP SAMPAH DI SUNGAI PINANG DAN SUNGAI JELUTONG DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan :
- i) Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang 221002 DAN 221003 (Bumiputera sahaja)
 - ii) Berdaftar dengan e-perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang
3. Semua butir-butir sebutharga boleh di perolehi melalui **e-perolehan Negeri Pulau Pinang** pada hari **RABU 15 MAY 2014**. Dokumen/ Borang Sebutharga akan dikenakan bayaran **RM 10.00**
4. Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang ditauliahkan atau yang membawa surat wakil kuasa dari pegawai yang ditauliahkan seperti dalam Sijil Khidmat Kontraktor Malaysia. Kontraktor-kontraktor hendaklah membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor Malaysia.
5. Taklimat dan Lawatan ke tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri taklimat dibenarkan mengambil dokumen Sebutharga. Kontraktor hendaklah melaporkan diri pada sesi taklimat pada hari **RABU 15 MAY 2014** jam **9.30 pagi** di **Kolam Takungan JPS S18, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang**
6. Sebutharga ini akan di **TUTUP** pada hari **RABU 22 MAY 2014** jam **12.00 tengahari**. Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di **Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang, Tingkat 29, 10000 KOMTAR, Pulau Pinang** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada hari tersebut.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKUANTABILITI, TELUS"

.....
Jurutera Daerah
JPS Daerah Timur Laut,
Pulau Pinang

Tarikh :

ARAHAN KEPADA PENTENDER

1.0 Hak Kerajaan Untuk Menerima / Menolak Sebutharga

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana – mana Sebutharga atau memberi apa – apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatan Kuasa Sebutharga adalah muktamad.

2.0 Cara – Cara Melengkapkan Dokumen Sebutharga

2.1 Penyediaan Sebutharga

Pentender adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya;

- (a) Ringkasan Sebutharga perlu diisi sepenuhnya dan ditandatangani oleh pentender dan saksi.
- (b) Borang Sebutharga perlu diisi dengan menyatakan harga secara pukal (Lump Sum) dan tempoh masa yang diperlukan untuk melaksanakan kerja. Borang ini perlu ditandatangani oleh pentender dan saksi.
- (c) Butir – Butir Spesifikasi (Jika ada).
- (d) Senarai Kerja Dalam Tangan.
- (e) Senarai Pengalaman Kerja.
- (f) Surat Akuan Pembida, kegagalan kontraktor mengembalikan Surat Akuan Pembida yang telah lengkap diisi akan menyebabkan sebutharganya di TOLAK.

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat – maklumat di atas, Pentender hendaklah menandatangani ringkas semua pembedaan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebutharga

- (a) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebutharga serta tajuk sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.
- (b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan atas sebab apa sekalipun, tidak akan dipertimbangkan.
- (d) Kesempurnaan dokumen akan dinilai semasa penilaian sebutharga dibuat.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, Pentender boleh menghubungi pejabat Jabatan Pengairan Dan Saliran, Daerah Timur Laut, Tingkat 29, Bangunan KOMTAR, Jalan Penang, 10000 Pulau Pinang untuk penjelasan lanjut.

Ringkasan Sebutharga

- 3.1 Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutharga.
- 3.2 Harga – harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj–caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan kerja dengan sempurna.

4.0 Tempoh Sah Sebutharga

Sebutharga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga. Pentender tidak boleh menarik balik Sebutharganya sebelum tamat tempoh sah. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambi sekiranya Pentender menarik balik Sebutharganya sebelum tamat tempoh Sebutharga.

SYARAT – SYARAT SEBUTHARGA**1.0 Pemeriksaan Tapakbina**

- 1.1 Kontraktor adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti tapakbina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu menyiapkan kerja, cara – cara perhubungan dan laluan masuk ke Tapakbina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal – keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2.0 Insurans dan Perkeso

- 2.1 Bagi Sebutharga yang bernilai melebihi RM 50,000.00, Kontraktor hendaklah mengemukakan perkara-perkara berikut :-
- i) Insurans Tanggungan Awam atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi tempoh pelaksanaan kerja termasuk Tempoh Liabiliti Kecacatan. Nilai minimum hendaklah sebanyak RM 25,000.00 bagi setiap kemalangan untuk kerja di bawah RM 100,000.00. Bagi Kerja diantara RM 100,000.00 hingga RM 200,000.00, nilai minimum hendaklah sebanyak RM 50,000.00 bagi setiap kemalangan.
 - ii) Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Bagi Sebutharga yang tidak melebihi RM 50,000.00 kontraktor hanya perlu mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO. Walaubagaimanapun, kontraktor hendaklah menanggung rugi Kerajaan sekiranya terdapat sebarang tuntutan atas sebab kemalangan oleh mana-mana pihak.
- 2.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pengawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja, Nota-nota perlindungan dan resit – resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah Nota-nota perlindungan tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pengawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 8.1 (e) Syarat-syarat ini.

3.0 Peraturan Pelaksanaan Kerja

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, Pelan-pelan, Butir-butir Kerja dalam Ringkasan Sebutharga, Syarat-Syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga dan Arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

4.0 Sub – Sewa dan Penyerahan Hak

- 4.1 Kontraktor tidak dibenarkan mengsub – sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerah hak apa-apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada pegawai inden.

5.0 Penolakan Bahan , Barang dan Kerja Oleh Pengawai Inden.

- 5.1 Pengawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja-kerja yang tidak menepati spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

6.0 Ringkasan Sebutharga

- 6.1 Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Sebutharga ini.
- 6.2 Harga-harga dalam ringkasan sebutharga yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah tertakluk kepada Pengawai Inden tentang kemunasabahannya. Apa-apa pelarasan kepada harga dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dilaraskan dan diperbetulkan sebelum inden kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga hendaklah tetap tidak berubah.
- 6.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan atau pelarasan harga dibuat akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan, duti dan cukai kerajaan, samaada dalam tempoh sah Sebutharga atau dalam tempoh kerja.

7.0 Percanggahan dalam Dokumen Sebutharga

- 7.1 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebutharga di hendaklah merujuk kepada Pengawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

8.0 Penamatan Perlantikan Kontraktor

- 8.1 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:
- a) Sekiranya Kontraktor **gagal memulakan kerja selepas 7 hari dari tarikh** mula kerja yang dinyatakan dalam inden kerja, tanpa sebab yang munasabah.
 - b) Sekiranya Kontraktor gagal menyiapkan Kerja pada tarikh siap kerja atau dalam tempoh lanjutan masa yang diberikan.
 - c) Kemajuan Kerja terlalu perlahan tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
 - d) Penggantungan pelaksanaan keseluruhan atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
 - e) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
 - f) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.
- 8.2 Sekiranya perlantikan Kontraktor ditamatkan, tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

9.0 Kerja Perubahan

- 9.1 Pegawai Inden boleh mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden boleh membatalkan Sebutharga ini.
- 9.2 Semua kerja perubahan dan / atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti / Ringkasan Sebutharga. Jika terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

10.0 Tempoh Liabiliti Kecacatan

- 10.1 Bagi kerja yang bernilai RM 20,000.00 hingga RM 200,000.00, Tempoh Liabiliti Kecacatan ialah selama enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Pada bila-bila masa di dalam Tempoh Liabiliti Kecacatan, Kontraktor hendaklah membaiki sebarang kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa kerosakan lain yang disebabkan oleh bahan, barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati spesifikasi di atas perbelanjaannya sendiri setelah dimaklumkan oleh Pegawai Inden.

11.0 Pematuhan Kepada Undang-Undang

- 11.1 Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang- Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan akibat pematuhan syarat ini.

12.0 Pengambilan Pekerja

- 12.1 Kontraktor perlulah menggunakan tenaga kerja tempatan sepenuhnya dan hendaklah mengemukakan senarai nama pekerja masing-masing kepada pegawai penguasa. Dengan ini kontraktor adalah dilarang menggunakan tenaga asing. Kegagalan pihak kontraktor untuk mematuhi syarat ini boleh diambil tindakan tatatertib oleh pegawai penguasa.

13.0 Pembelian Menerusi E- Perolehan

- 13.1 Bagi sebutharga yang perlu dibeli borang sebutharga melalui sistem e-perolehan, resit asal pembelian borang sebutharga hendaklah disertakan bersama semasa menghantar borang sebutharga. Kegagalan kontraktor untuk mengemukakan resit ini boleh menyebabkan sebutharga **DITOLAK**.

14.0 Tempoh Siap Kerja dan Tuntutan Pembayaran

- 14.1 Pihak kontraktor hendaklah menyiapkan kerja-kerja dalam tempuh yang ditetapkan. Tuntutan bayaran yang lengkap serta laporan siap kerja hendaklah dikemukakan ke Pejabat JPS Daerah Timur Laut dalam tempoh 2 minggu dari tarikh siap kerja diperakukan. Pihak pejabat tidak bertanggungjawab diatas kelewatan pembayaran disebabkan kegagalan kontraktor mengemukakan tuntutan dan laporan siap kerja yang lengkap dalam tempuh yang ditetapkan.

BORANG SEBUTHARGA

Nama Kontraktor:

No. Sebutharga: **JPS/ N / SH / DTL / M / 13 / 2014**

Alamat:

No. Pendaftaran:

Tarikh:

Peringatan Kepada Kontraktor

1. Sebutharga ini dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang **221002 DAN 221003 (Bumiputera sahaja)** dan Berdaftar dengan e-perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang
2. Tarikh tutup sebutharga **22 MAY 2014 (RABU) jam 12.00 tengahari.**
3. Pastikan anda menggunakan borang yang sah dan mengisinya dengan jelas dan sempurna.
4. Sebarang pindaan perlu ditandatangani ringkas. Penggunaan pemadam cecair **TIDAK DIBENARKAN.**
5. Tempoh sah sebutharga hendaklah selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga ini.
6. Sebutharga mestilah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda:
Sebutharga **No JPS/ N / SH / DTL/ M / 13 / 2014.**
7. Sebutharga kontraktor yang gagal memenuhi syarat-syarat di atas, dengan sendirinya **AKAN TERBATAL.**

.....
(Tandatangan Pegawai Bertanggungjawab)No. Sebutharga: **JPS/ N / SH / DTL / M / 13 / 2014**

T/t ringkas:

Tarikh:

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga, Syarat-syarat Sebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksana dan menyiapkan kerja-kerja berkenaan bagi jumlah harga pukal sebanyak:

Tajuk Kerja Dan Harganya	
KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI PERANGKAP-PERANGKAP SAMPAH DI SUNGAI PINANG DAN SUNGAI JELUTONG DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	
(Ringkasan Sebutharga Seperti di mukasurat 2)	
RM:	RINGGIT:

Saya bersetuju menyiapkan kerja ini dengan sempurna dan memuaskan dalam masa minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang ditetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja.

Bertarikh pada haribulan 2014.

.....
(Tandatangan Kontraktor)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh:

Nama Penuh:

No. K/P:

No.K/P :

Alamat :

Alamat :

.....

.....

.....

.....

Atas sifat:

Nota

Meteri atau Cop Kontraktor

*1. No. siri diisi semasa mengeluarkan
borang sebutharga

*2. Tandatangan Ketua Bahagian/Jurutera

Daerah/Jurutera

Sebutharga : JPS / P / SH / DTL / M / 13 /2014

KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI PERANGKAP-PERANGKAP SAMPAH DI SUNGAI PINANG
DAN SUNGAI JELUTONG DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.

Bil.	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
1.0	KERJA-KERJA AWALAN:				
1.1	<u>INSURAN</u> Menyediakan insuran tanggungan awam dan perlindungan perkerja/PERKESO dalam tempoh kerja ini termasuk tanggungan kecacatan	Harga Pukul			
1.2	<u>Laporan Kemajuan Kerja</u> Menyediakan dan menghantar laporan kemajuan kerja dan gambar-gambar kemajuan sebelum, semasa dan selepas siap kerja yang mempunyai tarikh pada gambar (1set <i>hardcopy</i> - 36 keping saiz 3R) dan satu salinan (<i>softcopy</i>) dimuatkan di dalam <i>pendrive</i> 16 GB (tidak akan dikembalikan).	Harga Pukul			
1.3	<u>Pembersihan Tapak</u> Pembersihan tapak selepas siap kerja-kerja pembinaan termasuk kos membaiki mana-mana bahagian yang rosak akibat kerja tersebut dan kerja-kerja tambahan.	Harga Pukul			
1.4	<u>Penyediaan Tapak:</u> Kerja-kerja permulaan termasuk penyediaan tapak, laluan masuk, ampangan sementara dan mengangkut keluar bahan-bahan yang tidak sesuai keluar dari tapak.	Harga Pukul			
2.0	<u>KERJA-KERJA PEMBINAAN</u>				
2.1	Membekal dan memasang Papan Tanda Projek JPS mengikut butiran yang dinyatakan dilokasi yang akan ditentukan oleh Pegawai Penguasa seperti dilakaran yang disediakan. (Lampiran 2)	Harga Pukul			
JUMLAH DIBAWA KE DOKUMEN D2					

Catatan: Jika ada butiran yang dikehendaki dalam spesifikasi dan skop kerja tidak termasuk di dalam ringkasan sebutharga ini, harga butiran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan sebutharga.

.....
(Tandatangan Kontraktor)

Sebutharga : JPS/N/SH/DTL/M/13/2014

KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI PERANGKAP-PERANGKAP SAMPAH DI SUNGAI PINANG DAN SUNGAI JELUTONG DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.

SENARAI KUANTITI

Bil.	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTI TI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
2.2	Menyediakan tenaga kerja, peralatan dan jentera pengangkutan bagi menjalankan kerja-kerja mengutip, membersihkan dan mengumpul sisa pepejal/sampah sarap kedalam bekas yang diluluskan jabatan ini setiap dua (2) kali sehari bermula awal jam 8.30pagi dan sebelum 5.30ptg termasuk sabtu dan ahad serta hari-hari kelepasan am berdasarkan senarai lokasi, data <i>tide tables</i> dan arahan Pegawai Penguasa		6		
2.3	Menyediakan tenaga kerja, peralatan dan jentera pengangkutan bagi menjalankan kerja-kerja mengutip, membersihkan dan mengumpul sisa pepejal/sampah sarap kedalam bekas yang diluluskan jabatan ini di sepuluh (10) lokasi beradius 5KM antara lokasi bagi satu (1) pusingan setiap bulan berdasarkan senarai lokasi, data <i>tide tables</i> dan arahan Pegawai Penguasa.		6		
JUMLAH DIBAWA KE DOKUMEN D3					

Catatan: Jika ada butiran yang dikehendaki dalam spesifikasi dan skop kerja tidak termasuk di dalam ringkasan sebutharga ini, harga butiran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan sebutharga.

.....
(Tandatangan Kontraktor)

**KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI PERANGKAP-PERANGKAP SAMPAH DI SUNGAI PINANG DAN
SUNGAI JELUTONG DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.**

Bil.	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
	JUMLAH DARI DOKUMEN D2				
2.4	<p>Menyediakan tenaga kerja, peralatan dan jentera pengangkutan bagi menjalankan kerja-kerja mengutip, membersihkan dan mengumpul sisa pepejal/sampah sarap daripada jurutimbang yang diluluskan oleh jabatan ini dan menyerahkan data-data kutipan tersebut kepada Pegawai Penguasa untuk pengesahan pada tiap-tiap hari berkerja seperti dilokasi berikut :-</p> <p><u>Sungai Pinang.</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Ponton Jetty Nelayan 2) Tepi Sekolah Tamil 3) Lorong Kulit 4) Berdekatan Masjid Rawa <p><u>Sungai Jelutong</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Flat Abidin 2) Lorong Hijau 3) Sek.Jepun 4) Jalan Teh Ewe Lim 5) Surau Batu Lancang 6) Mutiara Villa/Heigh 	Pusingan	6		
	JUMLAH KESELURUHAN				

NOTA:

(a) Semua butiran dan kuantiti yang dinyatakan di ringkasan sebutharga adalah merupakan asas kepada pengiraan. Pentender dinasihatkan untuk mendapatkan butiran kerja dan kuantiti sebenar berdasarkan pelan, dan keadaan tapak.

(b) Sebarang tuntutan akibat kerugian dari kesilapan pengiraan Petender tidak akan dilayan.

RINGGIT MALAYSIA:

Masa untuk menyiapkan kerja – kerja ini ialah selama Dua Belas (12) Minggu

.....
Tandatangan Pentender

Nama :

No. K/P:

No. Tel :

Cop Syarikat:

.....
Tandatangan Saksi

Nama :

No. K/P:

No. Tel :

**Sebutharga : JPS/N/SH/DTL/M/13/2014
KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI PERANGKAP-PERANGKAP SAMPAH DI SUNGAI PINANG DAN
SUNGAI JELUTONG DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.**

Nota

(a) Semua butiran dan kuantiti yang dinyatakan di ringkasan sebutharga adalah merupakan asas kepada pengiraan. Pentender dinasihatkan untuk mendapatkan butiran kerja dan kuantiti sebenar berdasarkan pelan, dan keadaan tapak.

(b) Sebarang tuntutan akibat kerugian dari kesilapan pengiraan Petender tidak akan dilayan.

RINGGIT MALAYSIA :

.....

.....
Tandatangan Kontraktor

Nama :.....
No. K/P:.....
No. Tel :.....

.....
Tandatangan Saksi

Nama :.....
No. K/P:.....
No. Tel :.....

Cop Syarikat :

**SURAT AKUAN PEMBIDA
BAGI**

**Sebutharga : JPS/N/SH/DTL/M/13/2014
KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI PERANGKAP-PERANGKAP SAMPAH DI SUNGAI
PINANG DAN SUNGAI JELUTONG DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.**

Saya,.....Nombor K.P.....yang mewakili.....Nombor Pendaftaran.....dengan ini mengisytiharkan mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam. **Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Timur Laut** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga * seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat perisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Timur Laut** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender /sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama:

No. K.P :

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.

Sebutarga : JPS/N/SH/DTL/M/13/2014
**KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI PERANGKAP-PERANGKAP SAMPAH DI SUNGAI
PINANG DAN SUNGAI JELUTONG DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.**

1.0 Sungai Pinang dan Sungai Jelutong



SPESIFIKASI KERJA-KERJA PEMBERSIHAN SUNGAI, PARIT DAN KAWASAN REKREASI

1. Kerja-kerja ini adalah termasuk menyediakan tenaga manusia, peralatan, jentera, lori, alat perkakas dan lain-lain keperluan bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan yang dimaksudkan sehingga siap.
2. Kerja-kerja pembersihan hendaklah dilaksanakan mengikut pusingan yang ditetapkan, walau bagaimanapun pegawai penguasa / pegawai indent berhak membatalkan mana-mana pusingan sekiranya perlu dan bayaran tidak akan dibuat bagi pusingan yang dibatalkan dan kontraktor tidak berhak menuntut apa-apa gantirugi diatas pembatalan pusingan tersebut
3. Sungai dan parit serta luas keratan yang perlu dibersihkan adalah seperti dinyatakan dalam Jadual Senarai Kerja Pembersihan. Pemborong hendaklah menjalankan dan menyiapkan kerja mengikut senarai, tarikh dan jadual yang ditetapkan.
4. Pembersihan sungai dan parit meliputi kerja-kerja menebas dan memotong segala rumput, semak samun, kemilin, lumut dan lain-lain tumbuhan serta membuang dan mengangkut segala sampah-sarap di dalam sungai dan parit dan kedua-dua belah cerunnya. Ketinggian rumput dan pokok yang siap ditebas dan dipotong hendaklah tidak melebihi 2 inci tebal. Termasuk mengangkut keluar sisa tebasan dan potongan ketapak yang diluluskan
5. Pembersihan kawasan rekreasi meliputi kerja-kerja menebas, memotong rumput dan mencantas pokok-pokok hiasan termasuk menyiram dan membaja semua tumbuhan hiasan termasuk mengutip dan menyapu sampah sarap termasuk daun dan ranting pokok di dalam kawasan penyelenggaraan. Sekiranya perlu dan dinyatakan didalam senarai kerja sebutharga hendaklah menyediakan perkerja untuk melakukan kerja penyelenggaraan secara harian. Baja yang sesuai mengikut keperluan tanaman hendaklah disediakan oleh pemborong.
6. Pemborong hendaklah mengangkut keluar segala tumbuh-tumbuhan dan sampah-sarap yang dibersihkan dari sungai dan parit.
7. Kegunaan sebarang racun rumput dan membakar sisa pembersihan dilarang sama sekali kecuali mendapat kebenaran daripada Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Timur Laut.

8. Sebarang kerosakan yang dilakukan oleh pemborong, wakilnya atau orang pekerjanya ke atas harta kerajaan atau harta persendirian mestilah dibaiki semula seperti sedia ada dengan segala kos ditanggung oleh pemborong
9. Gambar Laporan Siap Kerja di tiga bahagian untuk setiap batang sungai dan parit bagi keadaan sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan kerja hendaklah dikemukakan kepada jabatan bagi setiap pusingan kerja.
10. Pemborong hendaklah memastikan keadaan tapak sentiasa bersih dan aliran air didalam saluran sungai atau parit tidak terhalang oleh sampah sarap atau apa-apa jua halangan.

Pemborong hendaklah melaksanakan kerja-kerja sebutharga ini mengikut kehendak-kehendak seperti dinyatakan dalam spesifikasi sebutharga.

Pengakuan :-

Spesifikasi diatas telah dibaca dan difahami sepenuhnya dan akan dilaksanakan seperti dikehendaki.

Tandatangan Kontraktor :

Nama :

Cop Syarikat :

Tarikh :

REKOD PENGALAMAN KONTRAKTOR

Bil.	Nama Projek	Jabatan/ Agensi Yang Mengawasi Projek	Harga (RM)	Tempoh Projek		
				Tarikh Mula	Tarikh Jadual Siap	Tarikh Siap Sebenar

SENARAI KERJA DALAM TANGAN

Bil.	Nama Projek	Jabatan/ Agensi Yang Mengawas Projek	Harga (RM)	Tempoh Projek	
				Tarikh Mula	Tarikh Jadual Siap

